

04 JUL 1997

Ramli-Herba

PERAK USAHAKAN TANAMAN HERBA SECARA KOMERSIL

TAPAH, 4 Julai (Bernama) -- Perak akan menjadi pengeluar pertama tanaman herba secara komersil di negara ini apabila Taman Herba seluas 500 ekar di Sungai Klah mula ditanam secara besar-besaran.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, tanaman herba secara komersil dan meluas merupakan satu-satunya yang diusahakan secara demikian di sini dan belum diterokai di tempat lain.

Syarikat Global Herba (Perak) Sdn Bhd (GHP) yang dikendalikan secara usahasama antara Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Bank Pertanian Malaysia (BPM) akan menanam pelbagai jenis herba itu di atas tapak seluas 12 hektar di Sungai Klah pada peringkat awal.

"PPPNP telah menanam 30 jenis herba itu di tapak semaian Sungai Selinsing sebagai percubaan sebelum ia ditanam secara meluas di Sungai Klah," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak semaian itu kira-kira 15 km dari sini, petang semalam.

Kerajaan negeri memperuntukkan RM2 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 untuk menjalankan projek tanaman herba dan tanaman percubaannya di tapak semaian berkenaan dapat menentukan kesesuaiannya dengan iklim di negara ini, katanya.

Antara herba yang ditanam di tapak semaian seluas 20 hektar itu termasuk bunga cina, pegaga, delima, serai wangi, kunyit hitam, serai biasa, kesum, sekentut, mengkunyit, cina maki, lengkuas serta kantan dan hanya tanaman yang sesuai sahaja akan di tanam semula di Sungai Klah, katanya.

Tanaman herba itu akan dipelbagaikan dari masa ke masa bagi memenuhi pasaran tempatan kerana walaupun belum diusahakan secara komersil sepenuhnya namun telah ada tempahan, katanya.

Dua pengeluar ubat tradisional dari Perlis dan Kelantan yang membuat tempahan mahukan lebih banyak herba ditanam dan turut bersetuju membekalkan benih tanaman itu kepada GHP.

Tanaman herba secara komersil itu juga adalah bagi menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu usaha sedemikian dijalankan di samping dapat menyelidik dan mengetahui jenis herba yang boleh digunakan dalam bidang perubatan untuk diketengah dan dipasarkan.

Beliau berkata, kajian berhubung khasiat bagi menentukan kesesuaiannya dalam bidang perubatan turut mendapat kerjasama daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) dan Mardi.

Pengeluaran secara besar-besaran itu juga membekalkan sumber yang tetap kepada pengusaha perubatan tradisional yang tidak perlu lagi mencarinya di hutan dan tepi jalan.

Kerajaan negeri menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak akan membantu pengusaha perubatan tradisional dalam pelbagai aspek termasuk kajian, pembungkusan dan meningkatkan mutu perubatan mereka.

Perubatan tradisional boleh menembusi pasaran luar negeri kerana terdapat pengusaha perubatan itu dijemput memasarkan keluaran mereka di beberapa negara asing.

Kebanyakan herba berkenaan yang merupakan tanaman menjalar dapat mengeluarkan hasil dengan cepat dan tidak perlu menunggu lama.

Usaha menanam herba itu juga dapat mengembalikan nama-nama herba yang tidak diketahui terutama di kalangan generasi baru.

Beliau turut mengalu-alukan peminat herba yang ingin mengetahui

berkenaan tanaman itu atau menemui tumbuhan yang boleh dijadikan ubat  
membuat kajian di pusat berkenaan yang turut menyediakan kakitangan bagi  
penyelidikan. -- BERNAMA

RZS PR